

الحديث الأول

فعن عثمان بن عفان رضي الله تعالى عنه، عن النبي صلى الله عليه وسلم قال:
خيركم من تعلم القرآن وعلمه.

رواه أحمد وأصحاب الكتب الستة وفي رواية لابن ماجه عن سعد ولفظه خياركم
ورواه ابن أبي دواد عن ابن مسعود ولفظه خياركم من قرأ القرآن وأقرأه.

(1) 'Uthman bin 'Affan *radhiyallahu 'anhu* meriwayatkan bahawa Nabi *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Sebaik-baik orang dalam kalangan kalian: dia yang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya kepada orang lain.

Riwayat Ahmad dan para penulis Kutub Sittah. Dalam satu riwayat oleh Ibn Majah: Daripada Sa'd (bin Abi Waqqas) dengan lafaz: Orang-orang yang paling baik (bentuk plural), dan ia juga diriwayatkan oleh Ibn Abi Dawud daripada Ibn Mas'ud dengan lafaz: Orang-orang yang paling baik dalam kalangan kalian: dia yang membaca al-Quran dan mengajar orang lain membacanya.

الحديث الثاني

وعن عبد الله بن مسعود رضي الله تعالى عنه قال

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم:

من قرأ حرفاً من كتاب الله، فله به حسنة، والحسنة بعشر أمثالها،

لا أقول الم حرف، ولكن، ألف حرف ولام حرف وميم حرف.

رواه الترمذي، قال حديث حسن صحيح.

(2) 'Abdullah bin Mas'ud *radhiyallahu 'anhu* ada meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Sesiapa yang membaca satu huruf daripada Kitabullah, maka dia mendapat satu hasanah, dan tiap satu hasanah dilipat sepuluh kali ganda. Aku tidak katakan *Alif Lam Mim* itu satu huruf, sebaliknya *Alif* itu satu huruf, *Lam* itu satu huruf, dan *Mim* juga satu huruf.

Riwayat at-Tirmidzi: *hadith Hasan Sahih*.

الحديث الثالث

وعن عمر بن الخطاب رضي الله تعالى عنه، أن النبي صلى الله عليه وسلم قال

: إن الله تعالى يرفع بهذا الكتاب أقواما ويضع به آخرين.

رواه مسلم وابن ماجه.

(3) 'Umar bin al-Khattab *radhiyallahu 'anhu* meriwayatkan bahawa Nabi *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Sesungguhnya Allah *ta'ala* mengangkat beberapa kaum dengan al-Quran, dan juga merendahkan kaum lain dengannya.

Riwayat Muslim dan Ibn Majah.

الحديث الرابع

وعن أبي سعيد الخدري قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم:
يقول الرب تبارك وتعالى: من شغله القرآن عن ذكري ومسألتي، أعطيته أفضل ما
أعطي السائلين وفصل كلام الله تعالى على سائر الكلام كفضل الله تعالى على
خلقه.

رواه الترمذي، وقال حسن غريب.

(4) Abu Sa'id al-Khudri *radhiyallahu 'anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Allah *tabaraka wa ta'ala* berfirman: Sesiapa yang memberi tumpuan kepada al-Quran hingga kurang zikirnya dan doanya kepada Aku, pasti Aku akan kurniakan padanya nikmat dan ganjaran yang terbaik. Keutamaan kata-kata Allah jika dibandingkan dengan kata-kata makhluk, umpama keutamaan Allah jika dibandingkan dengan sekalian makhluk ciptaan-Nya.

Riwayat at-Tirmidzi: Hasan Gharib.

الحديث الخامس

وعن أبي موسى الأشعري رضي الله تعالى عنه قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: مثل المؤمن الذي يقرأ القرآن كمثل الأترجة، ريحها طيب وطعمها طيب، ومثل المؤمن الذي لا يقرأ القرآن كمثل التمرة لا ريح لها، وطعمها حلو، ومثل المنافق الذي يقرأ القرآن كمثل الريحانة، ريحها طيب، وطعمها مر، ومثل المنافق الذي لا يقرأ القرآن كمثل الحنظلة ليس لها ريح وطعمها مر . وفي رواية مثل الفاجر بدل المنافق.

رواه أحمد، والبخاري، ومسلم، وأبو داود، والترمذي والنسائي، وابن ماجه.

(5) Abu Musa al-Asy'ari *radhiyallahu 'anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Mu'min yang membaca al-Quran umpama *utrujjah*; baunya wangi dan rasanya sedap. Mu'min yang tidak membaca al-Quran pula umpama *tamrah*; ia tidak mempunyai bau namun rasanya manis. Adapun munafiq yang membaca al-Quran, dia umpama *rayhanah*; baunya wangi namun rasanya pahit. Munafiq yang tidak membaca al-Quran pula umpama *hanzhalah*; ia tidak mempunyai bau bahkan rasanya pahit. Riwayat lain menggunakan kata *fajir* pada tempat *munafiq*. Riwayat Ahmad, al-Bukhari, Muslim, Abu Daud, at-Tirmidzi, an-Nasa'i dan Ibn Majah.

الحديث السادس

وعن أنس رضي الله تعالى عنه قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم:
مثل المؤمن الذي يقرأ القرآن كمثل الأترجة ريحها طيب وطعمها طيب، ومثل
المؤمن الذي لا يقرأ القرآن، كمثل التمرة لا ريح لها وطعمها طيب، ومثل الفاجر
الذي يقرأ القرآن كمثل الريحانة ريحها طيب، وطعمها مر، ومثل الفاجر الذي لا
يقرأ القرآن، كمثل الحنظلة طعمها مر، ولا ريح لها ومثل الجليس الصالح، كمثل
صاحب المسك إن لم يصبك منه شيء أصابك من ريحه، ومثل الجليس السوء،
كمثل صاحب الكير، إن لم يصبك من سواده، أصابك من دخانه.
رواه أبو داود.

(6) Anas *radhiyallahu 'anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Mu'min yang membaca al-Quran umpama *utrujjah*; baunya wangi dan rasanya sedap. Mu'min yang tidak membaca al-Quran pula umpama *tamrah*; ia tidak mempunyai bau namun rasanya manis. Adapun fajir yang membaca al-Quran, dia umpama *rayhanah*; baunya wangi namun rasanya pahit. Fajir yang tidak membaca al-Quran pula umpama *hanzhalah*; rasanya pahit dan tidak mempunyai bau. Teman yang salih umpama peniaga *misk*, jika engkau tidak mendapat tempiasnya, engkau dapat hidu baunya. Teman yang buruk umpama penempa besi, jika engkau tidak terkena bijihnya, engkau hidu pula asapnya.

Riwayat Abu Daud.

الحديث السابع

وعن عائشة رضي الله تعالى عنها، قالت قال رسول الله صلى الله عليه وسلم:

الماهر بالقرآن مع السفرة الكرام البررة والذي يقرأ القرآن ويتتعتع فيه، وهو عليه

شاق، فله أجران وفي رواية الذي يقرأ القرآن وهو يشتد عليه له أجران.

رواه البخاري، ومسلم، واللفظ له وأبو داود، والترمذي والنسائي، وابن

ماجه.

(7) 'A'isyah *radhiyallahu 'anha* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* telah bersabda:

Orang yang menguasai al-Quran akan didampingi oleh para malaikat yang mulia. Orang yang membaca al-Quran kemudian bacaannya tersangkut-sangkut kerana ia sukar, maka dia mendapat dua ganjaran.

Dalam riwayat lain: Orang yang membaca al-Quran dan mengalami kesukaran.

Riwayat al-Bukhari, Muslim – dan ini lafaznya, serta Abu Daud, at-Tirmidzi, an-Nasa'i dan Ibn Majah.

الحديث الثامن

وعن أبي ذر رضي الله تعالى عنه قال: قلت يا رسول الله أوصني قال صلى الله عليه

وسلم:

عليك بتقوى الله فإنها رأس الأمر كله قلت يا رسول الله زدني قال عليك بتلاوة

القرآن، فإنه نور لك في الأرض ونور لك في السماء.

رواه ابن حبان، وصححه في حديث طويل ورواه ابن الضريس، وأبو يعلى . عن أبي

سعيد: عليك بتقوى الله فإنها جماع كل خير، وعليك بذكر الله، وتلاوة القرآن، فإنه

نور لك في الأرض وذكر لك في السماء، واخزن لسانك إلا من خير، فإنك

بذلك تغلب الشيطان.

(8) Abu Dzarr *radhiyallahu 'anhu* mengatakan: Wahai Rasulullah, berilah aku satu wasiat. Maka Rasulullah bersabda:

Hendaklah engkau bertaqwa kepada Allah, kerana taqwa merupakan pangkal seluruh agama.

Abu Dzarr berkata lagi: Wahai Rasulullah, tambahkan lagi wasiat untukku.

Balas Rasulullah: Hendaklah engkau membaca al-Quran, kerana al-Quran merupakan cahaya untuk engkau di bumi dan di langit.

Riwayat Ibn Hibban dan beliau menghukumnya Sahih dalam satu hadith yang panjang. Turut meriwayatkannya: Ibn adh-Dhurais dan Abu Ya'la.

Manakala Abu Sa'id al-Khudri meriwayatkan sabda Nabi: Hendaklah engkau bertaqwa kepada Allah kerana ia menghimpun segala kebaikan. Hendaklah engkau selalu mengingati Allah dan membaca al-Quran kerana ia menjadi cahaya buat engkau di bumi, dan sebab agar nama engkau disebut di langit. Tutup mulut engkau melainkan untuk menuturkan kebaikan, dengan demikian engkau mampu mengelak hasutan syaitan.

الحديث التاسع

وعن جابر رضي الله تعالى عنه، عن النبي صلى الله عليه وسلم قال:
القرآن شافع مشفع، وما حل مصدق، من جعله أمامه قاده إلى الجنة،
ومن جعله خلف ظهره ساقه إلى النار.
رواه ابن حبان في صحيحه، والبيهقي في شعبه عنه، والبيهقي عن ابن مسعود.

(9) Jabir *radhiyallahu ‘anhu* meriwayatkan bahawa Nabi *sallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

Al-Quran pemberi syafaat yang diterima, serta saksi yang dipercayai. Sesiapa yang meletakkan al-Quran di hadapannya sebagai pemimpin, maka ia akan memimpinnya ke syurga. Sesiapa yang meletakkan al-Quran di bahagian belakang dan mengabaikannya, maka ia akan mengheretnya ke neraka.

Riwayat Ibn Hibban dalam Sahihnya, dan al-Baihaqi dalam Syu‘ab al-Iman daripada Ibn Mas‘ud.

الحديث العاشر

وعن أبي أمامة الباهلي رضي الله تعالى عنه قال سمعت رسول الله صلى الله عليه

وسلم يقول:

اقرأوا القرآن فإنه يوم القيامة شفيحاً لأصحابه الحديث.

رواه مسلم.

(10) Abu Umamah al-Bahili *radhiyallahu 'anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Bacalah al-Quran, kerana ia memberi syafaat kepada pembacanya di hari kiamat kelak. (al-Hadith)

Riwayat Muslim.

الحديث الحادي عشر

وعن سهل بن معاذ الجهني، عن أبيه رضي الله تعالى عنه قال إن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال:

من قرأ القرآن، وعمل بما فيه ألبس والداه تاجا يوم القيامة ضوءه أحسن من ضوء الشمس في بيوت الدنيا، لو كانت فيكم، فما ظنكم بالذي عمل هذا؟
رواه أبو داود والحاكم وقال صحيح الإسناد.

(11) Sahl bin Mu'adz al-Juhani meriwayatkan daripada ayahnya *radhiyallahu 'anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Sesiapa yang membaca al-Quran dan mengamalkan isi kandungannya maka ibu bapanya akan dipakaikan mahkota pada hari kiamat kelak, sinarannya lebih indah daripada sinaran mentari dalam rumah-rumah di dunia, bayangkan pula hebatnya ganjaran pembaca dan pengamal al-Quran?

Riwayat Abu Daud, dan al-Hakim yang menghukum: Sahih al-Isnad.

الحديث الثاني عشر

وعن وعن أبي بريدة رضي الله تعالى عنه قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم :
من قرأ القرآن، وتعلمه وعمل به، ألبس والداه يوم القيامة تاجا من نور ضوؤه
مثل ضوء الشمس ويكس والداه حلتان لا تقوم بهما الدنيا فيقولان لم كسينا هذا،
فيقال بأخذ ولدكما القرآن.

رواه الحاكم، وقال صحيح على شرط مسلم .

(12) Abu Buraidah *radhiyallahu 'anhu* telah meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Sesiapa yang membaca al-Quran, mempelajari dan mengamalkan isi kandungannya, nescaya ibu dan ayahnya akan dipakaikan mahkota daripada cahaya yang bersinar umpama mentari, lalu diberi dua pakaian yang tidak mampu dibeli oleh penduduk dunia, hingga mereka bertanya: Mengapa kami dipakaikan sebegini? Dikatakan kepada mereka: Kerana usaha anak mereka mendalami al-Quran.

Riwayat al-Hakim: Sahih menurut syarat Muslim.

الحديث الثالث عشر

وعن أبي هريرة رضي الله تعالى عنه قال عن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال:
يجيء صاحب القرآن يوم القيامة، فيقول القرآن يا رب حله فيلبس تاج الكرامة،
ويقول يا رب زده فيلبس حلة الكرامة ويقول يا رب ارض عنه، فيرضى عنه فيقال
اقرأ، وارق ويزداد بكل آية حسنة.

رواه الترمذي، وحسنه، وابن خزيمة، والحاكم، وقال صحيح الإسناد.

(13) Abu Hurairah *radhiyallahu 'anhu* telah meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Pembaca al-Quran akan dibangkitkan pada hari kiamat kelak, lalu al-Quran berkata: Wahai tuhan, hiasilah dia. Maka dia dipakaikan mahkota kemuliaan, dan al-Quran berkata: Wahai tuhan, tambahkan lagi. Lalu dia dipakaikan pula baju kemuliaan. Al-Quran berkata lagi: Wahai tuhan, redhailah dia. Maka tuhan pun meredhainya. Pembaca al-Quran diberitahu: Bacalah al-Quran, dan naiklah ke martabat yang lebih tinggi. Dengan setiap ayat yang dibacanya, dia mendapat satu hasanah.

Riwayat at-Tirmidzi: katanya hadith Hasan. Turut diriwayatkan oleh Ibn Khuzaimah, dan al-Hakim yang menghukum: Sahih al-Isnad.

الحديث الرابع عشر

وعن عبد الله بن عمرو بن العاص رضي الله تعالى عنهما قال قال رسول الله
صلى الله عليه وسلم:

يقال لصاحب القرآن اقرأ ورتل كما كنت ترتل في الدنيا، فإن منزلتك عند
آخر آية تقرؤها.

رواه الترمذي، وأبو داود، وابن ماجه، وابن حبان في صحيحه، وقال الترمذي
حديث حسن صحيح.

(14) ‘Abdullah bin ‘Amru bin al-‘As *radhiyallahu ‘anhuma* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

Akan diumumkan (di hari kiamat kelak) kepada pembaca al-Quran: Bacalah al-Quran dan naiklah ke darjat yang lebih tinggi, dan alunkanlah ia dengan *tartil* seperti yang engkau lakukan semasa di dunia. Ganjaran engkau dikira dengan bilangan ayat yang engkau baca.

Riwayat at-Tirmidzi: hadith Hasan Sahih, juga Abu Daud, Ibn Majah, dan Ibn Hibban dalam Sahihnya.

الحديث الخامس عشر

وعن ابن عمر رضي الله تعالى عنهما قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم:
لا حسد إلا على اثنين رجل آتاه الله هذا الكتاب، فقام به آناء الليل، وآناء النهار
ورجل أعطاه الله تعالى مالا، فتصدق به آناء الليل وآناء النهار.
رواه البخاري ومسلم.

(15) Ibn 'Umar *radhiyallahu 'anhuma* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Tidak dibenarkan untuk merasa hasad kepada sesiapa, melainkan kepada dua golongan: orang yang diberikan pengetahuan mengenai al-Quran lalu dia melakukan qiyam di waktu malam dan siang, serta orang yang diberi rezeki berupa harta yang banyak, lalu dia bersedekah di waktu malam dan siang.

Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

الحديث السادس عشر

وعن أبي هريرة رضي الله تعالى عنه، أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال :
لا حسد إلا في اثنتين رجل علمه الله القرآن، فهو يتلوه آناء الليل وآناء النهار، فسمعه
جار له، فقال يا ليتني أوتيت مثل ما أوتي فلان فعملت مثل ما يعمل ورجل آتاه الله
مالا فهو يهلكه في الحق، فقال رجل ليتني أوتيت مثل ما أوتي فلان فعملت مثل ما
يعمل.

رواه البخاري

(16) Abu Hurairah *radhiyallahu 'anhu* telah meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Tidak dibenarkan hasad melainkan terhadap dua golongan, pertama: orang yang Allah kurniakan pengetahuan mengenai al-Quran lalu dia membacanya pada malam dan siang hari hingga didengari oleh jirannya, lalu jiran itu berkata: Alangkah beruntungnya jika aku dikurniakan dengan apa yang ada padanya. Kedua: orang yang Allah kurniakan harta yang banyak, lalu dia menghabiskan harta tersebut dengan cara yang haq, hingga ada orang berkata: Alangkah beruntungnya jika aku dikurniakan dengan apa yang ada padanya, dan aku lakukan apa yang dia lakukan.

Riwayat al-Bukhari.

الحديث السابع عشر

وعن ابن عمر رضي الله تعالى عنهما قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: ثلاثة لا يهولهم الفزع الأكبر، ولا ينالهم الحساب، هم عل كتيب من مسك حتى يفرغ من حساب الخلائق رجل قرأ القرآن ابتغاء وجه الله تعالى، وأم به قوما ، وهم راضون وداع يدعو إلى الصلاة ابتغاء وجه الله عز وجل وعبد أحسن بينه وبين ربه، وفيه بينه وبين مواليه . رواه الطبراني في الأوسط، والصغير بإسناد لا بأس به، وفي الكبير نحوه، وزاد في أوله قال ابن عمر لو لم أسمع من رسول الله إلا مرة ومرة، حتى عد سبع مرات لا حدثت به ولفظ الكبير عل ما في الجامع الصغير ثلاثة على كتيبان المسك يوم القيامة، لا يهولهم الفزع ولا يفرعون حتى يفرغ الناس رجل تعلم القرآن، فقام به يطلب وجه الله ورجل نادى في كل يوم وليلة خمس صلوات يطلب وجه الله وما عنده ومملوك لم يمنعه رق الدنيا عن طاعة ربه.

(17) Ibn 'Umar *radhiyallahu 'anhuma* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Terdapat tiga golongan yang tidak merasa takut dengan kengerian hari kiamat, dan tidak menjalani hisab, mereka berada atas dataran *misk* hingga semua makhluk selesai dihisab. Pertama:

Orang yang membaca al-Quran dengan tujuan mencari redha Allah, bila dia menjadi imam solat, para makmum redha dengannya. Kedua: Muazzin yang selalu melaungkan azan solat dengan tujuan mencari redha Allah. Ketiga: Hamba yang menjaga hubungan baik antara dirinya dan tuhaninya, juga antara dirinya dan tuannya.

Riwayat at-Tabarani dalam al-Mu'jam al-Awsat dan as-Saghir dengan isnad *la ba'sa bihi*, juga dalam al-Mu'jam al-Kabir dengan lafaz yang hampir sama, dengan tambahan: Ibn 'Umar *radhiyallahu 'anhuma* mengatakan: Jika aku tidak mendengarnya sendiri daripada Rasulullah sekali, dua kali hingga beliau menyebut tujuh kali, nescaya aku tidak akan menyebarkannya. Lafaz dalam al-Mu'jam al-Kabir seperti yang ada dalam al-Jami' as-Saghir: Tiga golongan di atas dataran *misk* pada hari kiamat, mereka tidak merasa takut dan tidak beredar melainkan setelah selesai hisab: Orang yang mempelajari al-Quran lalu dia melakukan qiyam demi keredhaan Allah, orang yang melaungkan azan lima waktu demi keredhaan Allah dan ganjaran dari-Nya, dan orang yang berstatus hamba abdi di dunia, namun itu tidak menghalang dirinya daripada mentaati Allah.

الحديث الثامن عشر

وعن أبي هريرة رضي الله تعالى عنه قال بعث رسول الله صلى الله تعالى عليه وسلم بعثنا، وهم ذو عدد، فاستقرأهم، فاستقرأ كل رجل منهم يعني ما معه من القرآن فأتى عل رجل من أحدثهم سنا ، فقال: ما معك يا فلان؟ قال معي كذا، وكذا، وسورة البقرة قال أمعك سورة البقرة؟ قال نعم فقال اذهب فأنت أميرهم فقال رجل من أشرفهم والله ما منعي أن أتعلم البقرة إلا خشية ألا أقوم بها فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم تعلموا القرآن، وقرأوه، فإن مثل القرآن لمن تعلمه، فقرأه، وقام به كمثل جراب محشو مسكا ، يفوح ريحه في كل مكان، ومثل من تعلمه، فيرقد، وهو في جوفه كمثل جراب أوكي على مسك . رواه الترمذي، واللفظ له، وقال حديث حسن، وابن ماجه مختصرا وابن حبان في صحيحه .

(18) Abu Hurairah *radhiyallahu 'anhu* telah meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* pernah mengutus suatu kumpulan yang agak ramai, namun sebelum itu baginda menguji bacaan dan hafazan al-Quran mereka, apabila tiba giliran seorang lelaki yang paling muda dalam kalangan mereka, baginda bersabda:

Apa yang engkau hafaz wahai fulan? Lelaki itu menjawab: Saya hafaz surah sekian dan surah sekian, termasuk surah al-Baqarah. Baginda bertanya: Engkau hafaz surah al-Baqarah? Balas lelaki itu: Benar. Maka baginda memerintahkan: Pergilah ke tempat yang aku utuskan kamu, kamu adalah pemimpin bagi kumpulan ini. Seorang lelaki lain berkata: Demi Allah, tidak ada sebab lain yang menghalang aku daripada mempelajari surah al-Baqarah melainkan kkuatir aku tidak mampu membacanya dalam solat. Mendengar itu, baginda pun bersabda: Pelajarilah al-Quran dan bacalah ia. Perumpamaan al-Quran bagi orang yang mempelajarinya lalu membacanya semasa melakukan qiyam, seperti bekas yang penuh dengan *misk*, harumannya tersebar ke semua penjuru. Bagi yang mempelajari al-Quran dan tidak membacanya dalam qiyam, seperti bekas yang dipenuhi *misk* namun ia tertutup rapat.

Riwayat at-Tirmidzi: katanya Hadith Hasan, dan ini lafaznya. Juga diriwayatkan oleh Ibn Majah dengan versi ringkas, dan Ibn Hibban dalam Sahihnya.

الحديث التاسع عشر

وعن عبد الله بن عمرو رضي الله تعالى عنهما قال قال رسول الله صلى الله تعالى

عليه وسلم:

من قرأ القرآن فقد استدرج النبوة بين جنبيه غير أنه لا يوحى إليه، لا ينبغي لصاحب

القرآن أن يجد مع جد، ولا يجهل مع جهل، وفي جوفه كلام الله تعالى.

رواه الحاكم، وقال صحيح الإسناد

(19) ‘Abdullah bin ‘Amru *radhiyallahu ‘anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

Sesiapa yang membaca al-Quran, maka dia seolah-olah mendekati darjat kenabian kecuali dia tidak menerima wahyu. Tidak selayaknya seseorang pembaca al-Quran menyombong diri dan melakukan maksiat, sedangkan mulutnya membaca Kalam Allah.

Riwayat al-Hakim: Sahih al-Isnad.

الحديث العشرون

وعنه، قال قال رسول الله صلى الله تعالى عليه وسلم: الصيام والقرآن يشفعان للعبد،

يقول الصيام رب إني منعتك الطعام والشراب

بالنهار فشفعني فيه ويقول القرآن منعتك النوم بالليل، فشفعني فيه فيشفعان.

رواه أحمد وابن أبي الدنيا في كتاب الجوع، والطبراني في الكبير، والحاكم، واللفظ له،

وقال صحيح على شرط مسلم .

(20) Juga 'Abdullah bin 'Amru bin al-'As telah meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Puasa dan al-Quran memberi syafaat kepada hamba. Puasa berkata: Wahai tuhan, aku menyebabkan dia tidak makan dan minum di siang hari, izinkanlah agar aku memberikannya syafaat. Al-Quran juga berkata: Aku pula menyebabkan dia tidak tidur pada waktu malam, izinkanlah aku untuk memberikannya syafaat, lalu kedua-duanya diizinkan.

Riwayat Ahmad dan Ibn Abi ad-Dunya dalam kitab al-Ju', at-Tabarani dalam al-Mu'jam al-Kabir, al-Hakim – dan ini lafaznya: katanya Sahih mengikut syarat Muslim.

الحديث الحادي والعشرون

وعن أبي ذر رضي الله تعالى عنه قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم:
إنكم لا ترجعون إلى الله تعالى بشيء أفضل مما خرج منه يعني القرآن، ظهر منه.
رواه الحاكم وصححه، ورواه أبو داود في مراسيله.

(21) Abu Dzarr *radhiyallahu 'anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Kamu tidak mampu kembali menemui Allah dengan sesuatu yang lebih baik daripada apa yang keluar dan zahir daripada sisi-Nya; al-Quran.

Riwayat al-Hakim: Sahih, dan Abu Daud dalam al-Marasil.

الحديث الثاني والعشرون

وعن أنس رضي الله عنه قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم:
إن لله أهلين من الناس قالوا من هم يا رسول الله؟ قال أهل القرآن هم
أهل الله، وخاصته.

رواه النسائي، وابن ماجه، والحاكم، وصححه المنذري.

(22) Anas radhiyallahu ‘anhu meriwayatkan bahawa Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda:

Allah mempunyai hamba-hamba istimewa dalam kalangan manusia. Para sahabat bertanya: Siapakah mereka wahai Rasulullah? Baginda menjawab: Ahl al-Quran merupakan Ahlullah, merekalah hamba-hamba-Nya yang istimewa.

Riwayat an-Nasa’i, Ibn Majah, al-Hakim, dan al-Mundziri menghukumnya sahih.

الحديث الثالث والعشرون

وعن ابن عباس رضي الله تعالى عنهما قال:

من قرأ القرآن لم يرد إلى أرذل العمر، وذلك قوله تعالى ثُمَّ رَدَدْنَاهُ أَسْفَلَ سَافِلِينَ إِلَّا

الَّذِينَ آمَنُوا قَالَ إِلَّا الَّذِينَ قَرَأُوا الْقُرْآنَ.

رواه الحاكم، وقال صحيح الإسناد.

(23) Ibn 'Abbas *radhiyallahu 'anhuma* berkata:

Sesiapa yang membaca al-Quran tidak akan ditimpa penyakit nyanyuk, demikian maksud firman Allah: Kemudian Kami jadikan golongan berumur panjang itu pada kedudukan yang paling rendah, melainkan yang beriman, yakni kecuali yang membaca al-Quran.

Riwayat al-Hakim, Sahih al-Isnad di sisinya.

الحديث الرابع والعشرون

وعن ابن عباس رضي الله تعالى عنه قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم:
أشرف أمتي حملة القرآن وأصحاب الليل .
رواه البيهقي في شعب الإيمان، وابن أبي الدنيا.

(24) Ibn 'Abbas *radhiyallahu 'anhuma* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Para pembesar dalam kalangan umatku: golongan pengamal al-Quran dan penjaga malam (untuk beribadah).

Riwayat al-Baihaqi dalam *Syu'ab al-Iman*, dan Ibn Abi Dunya.

الحديث الخامس والعشرون

وعن عبد الرحمن بن شبل الأنصاري رضي الله تعالى عنه، أن النبي صلى الله عليه

وسلم قال:

اقرأوا القرآن واعملوا به، ولا تجفوا عنه ولا تغلوا فيه، ولا تأكلوا به، ولا تستكثروا به .

رواه أحمد، وأبو يعلى والطبراني، والبيهقي.

(25) 'Abd ar-Rahman bin Syibl al-Ansari *radhiyallahu 'anhu* meriwayatkan bahawa Nabi *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Hendaklah kalian membaca al-Quran dan beramal dengannya. Jangan menjauhinya, tapi jangan melampau-lampau pula dengannya. Jangan jadikan ia perniagaan, dan alat mengumpul harta dan kemasyhuran.

Riwayat Ahmad, Abu Ya'la, at-Tabarani dan al-Baihaqi.

الحديث السادس والعشرون

وعن عمران بن حصين رضي الله تعالى عنه أنه مر على قارئ يقرأ، ثم سأله، فاسترجع ثم قال سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول: من قرأ القرآن، فليسأل الله به، فإنه سيجيء أقوام يقرأون القرآن يسألون به الناس. رواه الترمذي وقال حديث حسن .

(26) 'Imran bin Husain *radhiyallahu 'anhu* menceritakan bahawa beliau pernah melihat seorang qari membaca al-Quran, lalu dia berdoa kemudian mengucapkan *istirja'*. Maka 'Imran teringat akan sabda Nabi:

Sesiapa yang membaca al-Quran, hendaklah dia memohon balasan dan ganjaran daripada Allah atas bacaannya. Pada suatu masa, akan ada golongan yang membaca al-Quran namun mereka meminta-minta balasan dan ganjaran daripada manusia atas bacaan mereka.

Riwayat at-Tirmidzi, Hasan di sisinya.

الحديث السابع والعشرون

وعن أبي هريرة رضي الله تعالى عنه قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم:

ليس منا من لم يتغن بالقرآن.

رواه البخاري ورواه أحمد وأبو داود وابن حبان والحاكم عن سعد.

قال جمهور العلماء أي لم يحسن صوته وقال بعضهم لم يستغن به عن غيره .

(27) Abu Hurairah *radhiyallahu ‘anhu* telah meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

Orang yang tidak melagukan al-Quran, bukan daripada kalangan kami.

Riwayat al-Bukhari, Ahmad, Abu Daud, Ibn Hibban dan al-Hakim.

Jumhur ulama berpendapat bahawa frasa لم يتغن (tidak melagukan al-Quran) bermakna tidak membaca al-Quran dengan suara yang merdu, manakala ulama lain mengatakan maksudnya ialah tidak merasa cukup dengan al-Quran.

الحديث الثامن والعشرون

وعن بريدة رضي الله عنه قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: من قرأ القرآن يتأكل به الناس، جاء يوم القيامة ووجهه عظم ليس عليه لحم.
رواه البيهقي.

(28) Buraidah *radhiyallahu ‘anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

Sesiapa yang membaca al-Quran sebagai alat untuk makan harta manusia, kelak di hari kiamat dia akan dibangkitkan dengan wajahnya berupa tulang yang tidak berdaging.

Riwayat al-Baihaqi.

الحديث التاسع والعشرون

وعن عائشة رضي الله تعالى عنها، أنه عليه الصلاة والسلام قال:
قراءة القرآن في الصلاة أفضل من قراءة القرآن في غير الصلاة، وقراءة القرآن في غير
الصلاة أفضل من التسبيح والتكبير، والتسبيح أفضل من الصدقة، والصدقة أفضل من
الصوم، والصوم جنة من النار
رواه الدارقطني في الأفراد، والبيهقي في شعب الإيمان.

(29) 'Aisyah *radhiyallahu 'anha* meriwayatkan bahawa baginda Nabi *'alaihihsolah wassalam* bersabda:

Bacaan al-Quran dalam solat lebih utama daripada bacaan al-Quran di luar solat. Bacaan al-Quran di luar solat lebih utama daripada tasbih dan takbir. Tasbih pula lebih utama daripada sedekah, dan sedekah lebih utama daripada puasa, dan puasa itu benteng daripada terkena api neraka.

Riwayat ad-Daraqutni dalam al-Afrad, dan al-Baihaqi dalam Syu'ab al-Iman.

الحديث الثلاثون

وعن أوس بن أبي أوس الثقفي مرفوعاً: قراءة الرجل القرآن في غير المصحف ألف درجة، وقراءته في المصحف تضاعف على ذلك إلى ألفي درجة.
رواه الطبراني، والبيهقي.

(30) Aus bin Abi Aus ath-Thaqafi meriwayatkan secara *marfu'* yakni Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Seseorang yang membaca al-Quran dengan perantara lain selain mushaf boleh mendapat seribu darjat, namun jika dia membaca al-Quran menggunakan mushaf, ganjarannya digandakan hingga dua ribu darjat.

Riwayat at-Tabarani dan al-Baihaqi.

الحديث الحادي والثلاثون

وعن ابن عمرو رضي الله عنهم مرفوعا :
اقرأ القرآن في كل شهر، اقرأه في عشرين ليلة، اقرأه في عشر اقرأه في سبع،
ولا تزد على ذلك.
رواه الشيخان، وأبو داود.

(31) 'Abdullah bin 'Amru *radhiyallahu 'anhuma* meriwayatkan secara *marfu'* yakni Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Bacalah al-Quran sehingga khatam dalam tempoh sebulan, bacalah al-Quran sehingga khatam dalam tempoh dua puluh malam, bacalah al-Quran sehingga khatam dalam tempoh 7 hari. Jangan lakukan dalam tempoh yang kurang daripada itu.

Riwayat al-Bukhari, Muslim dan Abu Daud.

الحديث الثاني والثلاثون

وعن ابن عمرو رضي الله عنهم قال قال رسول الله صل الله عليه وسلم:

اقرأ القرآن ما نهاك، فإذا لم ينهك فليست تقرأه.

رواه الديلمي في مسند الفردوس.

(32) 'Abdullah bin 'Amru meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Bacalah al-Quran selagi ia menghalang engkau daripada maksiat. Jika al-Quran tidak dapat menghalang engkau daripada maksiat, maka sebenarnya engkau tidak membacanya pun.

Riwayat ad-Dailami dalam Musnad al-Firdaus.

الحديث الثالث والثلاثون

وعن بريدة رض الله تعالى عنه قال قال رسول الله صل الله عليه وسلم:

اقرأوا القرآن بالحزن، فإنه نزل بالحزن.

رواه أبو يعلى والطبراني في الأوسط، وأبو نعيم في الحلية.

(33) Buraidah *radhiyallahu ‘anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

Bacalah al-Quran dengan nada yang sayu, sesungguhnya al-Quran diturunkan dengan nada yang sayu.

Riwayat Abu Ya’la, at-Tabarani dalam al-Mu’jam al-Awsat, dan Abu Nu’aim dalam al-Hilyah.

الحديث الرابع والثلاثون

وعن جندب رضي الله تعالى عنه قال قال رسول الله صل الله عليه وسلم:

اقرأوا القرآن ما أتلفت عليه قلوبكم، فإذا اختلفتم فيه فقوموا.

رواه أحمد، والشيخان، والنسائي.

(34) Jundub bin Junadah *radhiyallahu 'anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Bacalah al-Quran selagi hati kamu masih ingin. Apabila kamu merasa sebaliknya, berhentilah sebentar.

Riwayat Ahmad, al-Bukhari, Muslim dan an-Nasa'i.

الحديث الخامس والثلاثون

وعن أبي أمامة رضي الله عنه، عن النبي صل الله عليه وسلم:
اقرأوا القرآن، فإن الله تعالى لا يعذب قلبا وعى القرآن.
رواه تمام.

(35) Abu Umamah *radhiyallahu 'anhu* telah meriwayatkan bahawa Nabi *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Bacalah al-Quran, sesungguhnya Allah tidak mengazab hati yang menampung al-Quran.

Riwayat Tammam.

الحديث السادس والثلاثون

وعن أنس رضي الله تعالى عنه أن رسول الله صل الله عليه وسلم قال:
القرآن غني لا فقر بعده، ولا غني دونه.
رواه أبو يعلى.

(36) Anas *radhiyallahu 'anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Al-Quran merupakan kemewahan yang tiada kefakiran selepasnya, tiada kemewahan tanpanya.

Riwayat Abu Ya'la.

الحديث السابع والثلاثون

وعن عمر رضي الله تعالى عنه، قال قال رسول الله صل الله عليه وسلم:
القرآن ألف حرف وسبعة وعشرون ألف حرف، فمن قرأه صابرا
محتسبا كان له بكل حرف زوجة من الحور العين.

رواه الطبراني في الأوسط.

(37) 'Umar bin al-Khattab *radhiyallahu 'anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Al-Quran mengandungi sejuta dan dua puluh tujuh ribu huruf. Lelaki yang membacanya dengan sabar dan pengharapan, maka dia diberi ganjaran seorang bidadari bagi setiap huruf.

Riwayat at-Tabarani dalam al-Mu'jam al-Awsat.

الحديث الثامن والثلاثون

وعن رجل، عن النبي صل الله عليه وسلم قال:
القرآن هو النور المبين والذكر الحكيم والصراط المستقيم.
رواه البيهقي.

(38) Seseorang meriwayatkan bahawa Nabi *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Al-Quran merupakan sinaran cahaya yang terang benderang, ingatan yang bijaksana, dan titian yang lurus.

Riwayat al-Baihaqi.

الحديث التاسع والثلاثون

وعن علي رضي الله تعالى عنه، قال قال رسول الله صل الله عليه وسلم:

القرآن هو الدواء.

رواه القضاعي.

(39) 'Ali bin Abi Talib *radhiyallahu ta'ala 'anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Al-Quran merupakan penawar.

Riwayat al-Qudha'i.

الحديث الأربعون

وعن أنس رضي الله عنه أن رسول الله صل الله عليه وسلم قال:
أهل القرآن عرفاء أهل الجنة.
رواه الضياء.

(40) Anas bin Malik *radhiyallahu 'anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Ahl al-Quran pemimpin penghuni syurga.

Riwayat adh-Dhiya' al-Maqdisi.

قال المصنف رحمه الله تعالى: تم أحاديث الأربعين، والله حسبي ونعم المعين

Pengarang *rahimahullah* berkata: Dengan itu, selesai sudah penulisan 40 hadith ini. Cukuplah Allah buatku, dan Dia sebaik-baik pembantu.

وصل الله على سيدنا محمد وعلى آله الطاهرين وعلى

أصحابه الصالحين ومن تبعهم إلى يوم الدين